

ISTILAH UNDANG-UNDANG DALAM PENDIDIKAN TINGGI DI MALAYSIA

ROHIMI SHAPIEE¹
FAKULTI UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

I. PENGENALAN

Bahasa dan perkataan adalah alat penting di bidang perundangan. Dalam pengajian undang-undang, bahasa mempunyai kepentingan yang besar. Melalui bahasa bertulis: kewujudan perlembagaan negara, iaitu asas kepada semua undang-undang, dapat difahami; undang-undang dan statut digubal; dan, perjanjian (kontrak) antara pihak-pihak dikuatkuasakan. Seperti bahasa bertulis, bahasa pertuturan juga amatlah diperlukan di dalam proses undang-undang. Kepentingan bahasa lisan paling ketara berlaku di mahkamah, sama ada semasa pemeriksaan balas ke atas plaintif dan defendan, keterangan para saksi, pliding oleh peguam, atau arahan daripada hakim untuk pihak-pihak. Yang jelasnya kes-kes dihidupkan maknanya berdasarkan kepada bagaimana hakim-hakim membuat pemilihan ke atas kata-kata.

Implikasi bahasa ke atas undang-undang tidak terbatas di mahkamah sahaja, tetapi melampaui ke luar mahkamah - kepada interaksi antara polis dengan suspek, perbualan antara peguam dengan pelanggan/anak guam mereka, kegunaan penguatkuasaan undang-undang seperti untuk membuat rakaman rahsia, dan kepada ungkapan-ungkapan menyalahi undang-undang seperti perbuatan menawarkan sogokan, mengeluarkan ancaman, atau membuat kenyataan fitnah. Dengan memberikan sedikit perhatian kepada perkara-perkara sebegini adalah mencukupi untuk seseorang itu memahami betapa pentingnya bahasa dalam bidang undang-undang.

Sering dikatakan bahawa anda akan belajar bahasa baru anda belajar undang-undang. Tetapi sebenarnya ia adalah lebih rumit daripada itu. Keupayaan seseorang untuk belajar undang-undang melalui - komunikasi berkesan dalam tutorial dan seminar, menyiapkan tugas, menjawab peperiksaan; dan, bahkan dalam amalan profesional selepas tamat pengajian, bergantung kepada pengetahuan, pemahaman dan kekuatan penguasaan perbendaharaan kata atau istilah undang-undang. Undang-undang adalah satu disiplin kerjaya yang dibina di sekitar perkataan dan maknanya yang tepat. Usaha membina penguasaan perbendaharaan kata/istilah undang-undang yang kuat harus menjadi fokus kepada rutin pembelajaran dan usaha gigih setiap pelajar undang-undang.

Namun, persekitaran perundangan negara-negara membangun seperti di Asia Tenggara rata-ratanya mewarisi tradisi perundangan dari penjajah dan kini menjadi semakin dihipit oleh aliran Neo-liberalisme, perubahan dalam hubungan antara Universiti dengan kerajaan (pemerintah), dan perkembangan ekonomi, sosial dan politik. Semua ini diungkapkan secara umum sebagai tekanan globalisasi yang

¹ Profesor Rohimi Shapiee adalah Profesor Undang-Undang Antarabangsa di Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan juga Penasihat Undang-Undang, UKM.

semakin meningkat.² Tidak kira bagaimana kita menilai kesan globalisasi, tiada siapa yang boleh menafikan bahawa globalisasi telah mewujudkan peluang dan cabaran baru dalam pendidikan.³ Globalisasi menuntut kepada penyelesaian segera kepada masalah-masalah alam sekitar, pembangunan ekonomi, dasar sosial, hak asasi manusia dan kebebasan kehakiman dan semua ini perlu ditangani dengan bijaksana. Di Asia Tenggara termasuk Malaysia dan Indonesia globalisasi hampir merupakan salah satu daripada krisis kekal dan undang-undang terletak di tengah-tengah perubahan yang sedang berlaku. Pertembungan antara kehendak pembangunan dan cabaran globalisasi telah mencetuskan kesedaran betapa perlunya untuk lebih difahami pengaruh ekonomi, budaya, dan politik di dalam pembangunan undang-undang dan dalam peranan undang-undang dalam pembangunan.⁴

Dari segi realiti, pengajian undang-undang di Malaysia masih memerlukan bahasa Inggeris kerana negara masih memakai sistem *Common Law and Equity* dan kes-kes berkaitan dengan kedua-dua aspek undang-undang ini hampir keseluruhannya adalah dalam bahasa Inggeris. Tekanan globalisasi pula, khususnya yang berlaku melalui Perjanjian Am Mengenai Perdagangan Perkhidmatan (GATS) dan Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) telah mencetuskan langkah liberalisasi di sektor perkhidmatan guaman apabila Akta Profesion Undang-undang 1976 (Pindaan 2012) dipinda semula pada 2013. Ia membenarkan peguam asing memilih untuk didaftarkan secara sama ada perkongsian antarabangsa, firma guaman asing berkeelayakan, atau firma guaman Malaysia jika mereka mahu beramal di Malaysia. Pindaan ini, bagaimanapun, mengekalkan bahawa firma-firma dan peguam asing boleh menasihati dan merundingi anak guam mereka hanya mengenai undang-undang yang tidak melibatkan apa-apa aspek undang-undang Malaysia.⁵

Justeru di Malaysia kita tidak boleh terlalu taksub dengan penggunaan bahasa Melayu sehingga mengabaikan kepentingan bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa. IPTA harus berusaha untuk mengeluarkan graduan undang-undang yang penguasaan bahasa Melayu dan bahasa Inggerisnya sama baik.⁶ Ini adalah kerana peguam-peguam dan hakim-hakim perlu fasih dalam kedua-dua bahasa. Pada amnya, bahasa rasmi di mahkamah ialah bahasa kebangsaan (bahasa Melayu), tetapi jika timbul keadaan yang memerlukan pertimbangan, atas sebab-sebab keadilan, bahasa Inggeris boleh digunakan di sebahagian prosiding.⁷ Bahasa Inggeris sebenarnya penting sebagai alat

² Mok, K.H. (2010). When state centralism meets neo-liberalism: managing university governance change in Singapore and Malaysia, *Higher Education*, 60(4), 419-440.

³ Marginson, S. (1999). After globalization: Emerging politics of education. *Journal of Education Policy*, 14(1), 19-31.

⁴ Andrew Harding, *Global Doctrine and Local Knowledge: Law in South East Asia*, *The International and Comparative Law Quarterly*, Vol. 51, No. 1 (Jan., 2002), pp. 35-53 pada 45.

⁵ Seksyen 2B(b) Akta-Akta Profesion Undang-Undang (Pindaan 2012) (Pindaan 2013) Akta A1455. Akta ini telah diwartakan tetapi masih belum lagi berkuat kuasa.

⁶ Tun Abdul Hamid Mohamad, *Memertabatkan Bahasa Melayu dalam Bidang Perundangan: Prospek dan Masa Hadapan*, Wacana Amalan Baik Membudayakan Bahasa Melayu Tinggi di Institut Pengajian Tinggi, 2012, Lihat: <http://www.tunabdulhamid.my/index.php/speech-papers-lectures/item/493-memartabatkan-bahasa-melayu-dalam-bidang-perundangan-prospek-dan-masa-hadapan>

⁷ Kenyataan Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM), Zainul Rijal Abu Bakar, dipetik dalam KLIK, Jabatan Penerangan Malaysia, 2008, di: <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/component/content/article/99-isu-negeri/2061-cadangan-supaya-peguam-yang-tidak-fasih-berbahasa-melayu-perlu-dilucutkan-keistimewaannya-daripada-menjadi-pegawai-undang-undang.html>

komunikasi dengan dunia luar, alat untuk bersaing di era globalisasi dan alat untuk memperoleh ilmu, bukan sebagai pesaing kepada bahasa Melayu.⁸

II. KEDUDUKAN BAHASA MELAYU DALAM PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN

Sebelum dibincangkan mengenai penggunaan istilah undang-undang bahasa Melayu dalam pengajian tinggi, khususnya pengajian undang-undang, adalah penting untuk penulis menerangkan terlebih dahulu mengenai kedudukan bahasa Melayu dalam Undang-Undang, pemakaiannya di mahkamah, dan usaha-usaha memartabatkannya dalam sektor perundangan di Malaysia, seperti mana yang dilakukan oleh pemegang-pemegang taruh (*stake holder*) dan pihak bertanggungjawab yang berkaitan.

A. BAHASA MELAYU DALAM PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

Dari segi sejarah, kedudukan dan perkembangan bahasa Melayu dalam undang-undang boleh dikesan seawalnya di dalam peruntukan perenggan 170 dan 171 Laporan Suruhanjaya Reid, 1957. Barisan pergerakan nasionalisme yang berjuang menuntut kemerdekaan dalam cadangan mereka telah mengusulkan kepada Suruhanjaya Reid antaranya untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Hasilnya, Suruhanjaya tersebut di dalam laporan mereka telah bersetuju dan mengesyorkan supaya bahasa Melayu hendaklah menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi tunggal bagi negara Malaysia yang bakal memperoleh kemerdekaan.

Perenggan 170:

...[W]e have decided to recommend that Malay should be the national language and that for a period of at least ten years English should continue to be used as an official language....moreover we think that it would be impracticable to abolish the use of English before 10 years have elapsed. After 10 years it should be left to Parliament to decide when a change should be made and we have framed our recommendations so as to enable Parliament to proceed by stages if it thinks fit to do so... We do not recommend that any other language should become an official language...

Perenggan 171:

... Malay should in due course become the sole official language. Our recommendations are not intended to put obstacles in the way of that transition, but rather to regulate the transition emerge so that it may take place in a manner fair to all communities... for all ordinary purposes Malay should in due course become the sole official language...

Berikutan saranan Suruhanjaya Reid dan hasil dari perkembangan politik negara zaman pra-kemerdekaan, status Bahasa Melayu telah terpahat kemas di dalam Perlembagaan. Peruntukan bahawa bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dinyatakan di bawah Fasal (1) Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan yang

⁸ Fatimah Kasim et. al., Perkembangan Bahasa Melayu: Tinjauan Terhadap Penggunaannya dalam Pelbagai Bidang dan Sektor di Negara ini Selepas Kemerdekaan, Kertas Kerja Seminar Ijazah Tinggi, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Siri Penerbitan Jabatan Pengajian Melayu, Bil. 4 1985, hlm. 117.

memperuntukkan:

Bahasa kebangsaan

152. (1) Bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah dalam tulisan yang diperuntukkan melalui undang-undang oleh Parlimen:

Dengan syarat bahawa—

(a) tiada seorang pun boleh dilarang atau dihalang daripada menggunakan (selain bagi maksud rasmi), atau daripada mengajarkan atau belajar, apa-apa bahasa lain; dan

(b) tiada apa-apa jua dalam Fasal ini boleh menjejaskan hak Kerajaan Persekutuan atau hak mana-mana Kerajaan Negeri untuk memelihara dan meneruskan penggunaan dan pengajian bahasa mana-mana kaum lain di dalam Persekutuan.

Berdasarkan peruntukan di atas, walaupun bahasa kebangsaan bagi negara Malaysia ialah bahasa Melayu tetapi seseorang boleh menggunakan (selain bagi maksud rasmi), mengajar atau belajar bahasa lain. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri juga mempunyai hak untuk memelihara dan meneruskan penggunaan dan pengajian bahasa kaum-kaum lain.

Perlaksanaan perundangan untuk menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa rasmi sepenuhnya berlaku pada tahun 1967 apabila dikuatkuasakan Akta Bahasa Kebangsaan 1967. Sejak 1 September 1967 bahasa kebangsaan telah digunakan bagi maksud rasmi sebagaimana diperuntukkan di bawah seksyen 2 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32]. Seksyen 2 Akta 32 dibaca seperti berikut:

Bahasa kebangsaan hendaklah digunakan bagi maksud rasmi

(2) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta ini dan tertakluk kepada perlindungan-perindungan yang terkandung dalam Perkara 152 (1) Perlembagaan berhubung dengan mana-mana bahasa lain dan bahasa mana-mana kaum lain di Malaysia bahasa kebangsaan hendaklah digunakan bagi maksud rasmi

Makna takrifan “maksud rasmi” boleh ditemui di dalam Peruntukan Perlembagaan Perkara 152 (6) seperti berikut:

... (6) Dalam Perkara ini, “maksud rasmi” ertinya apa-apa maksud Kerajaan, sama ada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, dan termasuklah apa-apa maksud sesuatu pihak berkuasa awam.

Penggunaan bahasa kebangsaan bagi urusan rasmi oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri diperuntukkan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2011, “Panduan Penggunaan Bahasa Kebangsaan Dalam Perkhidmatan Awam”. Ini selaras dengan peruntukan Perkara 152 (6) Perlembagaan Persekutuan yang dibaca seperti yang nyatakan di atas.

Kepentingan menggunakan bahasa kebangsaan untuk maksud rasmi turut dijelaskan oleh Suffian L.P di dalam kes *Merdeka University Berhad v. Government of Malaysia* [1982] 2 M.L.J. 243, di halaman 249 seperti berikut:

We think it reasonable to suppose that the framers of our Constitution deliberately chose to use the expression “national language” because they intended that bahasa should be used not only for official purposes but also as an instrument for bringing together the diverse and polyglot races that live here and thus promote national unity. ...We think it reasonable to suppose that the framers of our Constitution who came from this group of Malayans – later Malaysians – concluded that just as before independence the English language could unify the small but highly influential group of leaders, so after independence the use of bahasa could and should be used as an instrument for unifying the whole nation.

Dalam konteks naskah undang-undang, selepas berkuatkuasanya Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967, teks sah naskah undang yang luluskan badan perundangan adalah dalam bahasa Kebangsaan. Seksyen 6 Akta Bahasa Kebangsaan menyatakan:

Teks sah undang-undang

6. Teks—

- (a) bagi segala Rang Undang-undang yang akan dikemukakan atau pindaan kepadanya yang akan dicadangkan dalam Parlimen atau mana-mana Dewan Undangan Negeri;
- (b) bagi segala Akta Parlimen dan segala perundangan subsidiari yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan;
- (c) bagi segala Enakmen dan perundangan subsidiari yang dikeluarkan oleh mana-mana Kerajaan Negeri; dan
- (d) bagi segala Ordinan yang diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong,

hendaklah dalam bahasa kebangsaan dan dalam bahasa Inggeris, dan teks dalam bahasa kebangsaan itu adalah sah melainkan jika Yang di-Pertuan Agong menetapkan sebaliknya...

- 7. (1)** Jika mana-mana undang-undang bertulis yang diperbuat sebelum satu hari bulan September 1967 telah diterjemahkan ke dalam bahasa kebangsaan, Yang di-Pertuan Agong boleh menetapkan terjemahan undang-undang itu sebagai sah.

Justeru semua naskah sah undang-undang yang diperbuat selepas September 1967 adalah naskah bahasa Melayu dan bagi naskah undang-undang sebelum 1967 jika telah diterjemahkan ke bahasa Melayu dan diisytiharkan sah oleh Yang Dipertuan Agong, barulah boleh dianggap sebagai naskah sah. Setakat ini tidak banyak naskah undang-undang sebelum 1967 yang telah diterjemahkan ke bahasa Melayu dan mendapat perisytiharan sebagai naskah sah. Ini termasuklah Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang naskah sahnya masih lagi naskah bahasa Inggeris.

B. PEMAKAIAN BAHASA MELAYU DI MAHKAMAH

Penggunaan bahasa Melayu di mahkamah dan dalam sistem perbankan telah dilaksanakan sejak tahun 1990. Keupayaan bahasa Melayu digunakan dalam kedua-dua sektor ini terbukti berjaya dan berkesan. Di mahkamah, proses perbicaraan dapat dijalankan dengan lancar dan penambahbaikan dari segi pengucapan dan pendokumentasian dibuat dari semasa ke semasa. Dalam sektor perbankan pula,

banyak dokumen rasmi seperti risalah, perjanjian dan penyata kewangan telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Transaksi kewangan juga telah dijalankan dalam bahasa Melayu.

Bahasa Melayu dalam mahkamah

Selain bahasa kebangsaan digunakan bagi urusan rasmi oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta pihak berkuasa awam, bahasa kebangsaan juga turut digunakan di Mahkamah. Fasal (4) dan (5) Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa –

(4) Walau apa pun peruntukan Fasal (1), selama tempoh sepuluh tahun selepas Hari Merdeka, dan selepas itu sehingga diperuntukkan selainnya oleh Parlimen, segala prosiding di dalam Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi hendaklah dalam bahasa Inggeris:

Dengan syarat bahawa, jika Mahkamah dan peguam bagi kedua-dua pihak bersetuju, keterangan yang diambil dalam bahasa yang digunakan oleh saksi tidak perlu diterjemahkan ke dalam atau direkodkan dalam bahasa Inggeris.

(5) Walau apa pun peruntukan Fasal (1), sehingga diperuntukkan selainnya oleh Parlimen, segala prosiding di dalam mahkamah rendah, selain pengambilan keterangan, hendaklah dalam bahasa Inggeris.

Berdasarkan peruntukan di atas, selama tempoh 10 tahun selepas Hari Merdeka, iaitu sehingga 31 Ogos 1967, dan selepas itu sehingga Parlimen memperuntukkan selainnya, bahasa Inggeris hendaklah digunakan di Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi. Manakala bagi mahkamah rendah, bahasa Inggeris hendaklah digunakan sehingga diperuntukkan selainnya oleh Parlimen.

Parlimen melalui seksyen 8 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 [Akta 32] memperuntukkan bahawa bahasa kebangsaan hendaklah digunakan di Mahkamah. Seksyen 8 dibaca seperti berikut:

Bahasa Mahkamah

(8) Segala prosiding (selain pemberian keterangan oleh seseorang saksi) dalam Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi atau mana-mana Mahkamah Rendah hendaklah dalam bahasa kebangsaan:

Dengan syarat bahawa Mahkamah boleh, sama ada atas kehendaknya sendiri atau atas permintaan mana-mana pihak dalam mana-mana prosiding dan selepas menimbangkan kepentingan keadilan dalam prosiding itu, memerintahkan supaya prosiding itu (selain pemberian keterangan oleh seseorang saksi) dijalankan sebahagiannya dalam bahasa kebangsaan dan sebahagiannya dalam bahasa Inggeris.

Penggunaan bahasa kebangsaan di Mahkamah ditegaskan oleh YA Nik Hashim dalam kes Zainun Dahan lwn. Rakyat Merchant Bankers Bhd & Satu Lagi [1997] 4 CLJ SUPP 279 seperti berikut:

Penggunaan Bahasa Melayu di Mahkamah tidak boleh dipermudahkan dan

diambil ringan. Perlembagaan Persekutuan ('Perlembagaan') menetapkan bahasa kebangsaan negara ialah BAHASA MELAYU (Perkara 152). Dengan peruntukan undang-undang di atas, maka keraguan atas penggunaan Bahasa Melayu dalam prosiding Mahkamah tidak boleh dipersoalkan lagi.

YAA Arifin Zakaria CJ (Malaya) dalam kes Dato' Seri Anwar Ibrahim v. Tun Dr Mahathir Mohamad [2011] 1 CLJ 1, di halaman 14, menyatakan:

And as early as 1990, the Chief Judge of Malaya, Hashim Yeop A. Sani in the Chief Judge of Malaya's Circular No. 3 of 1990 dated 25 June 1990, directs that all Judges and Judicial Commissioners of the High Court of Malaya and Sessions Court Judges and Magistrates to submit to him at least one grounds of judgment in the national language in each month in order to identify the problem arising out of the implementation of the use of the national language in courts. ...

Dari segi pelaksanaan kehendak undang-undang berkaitan dengan penggunaan bahasa Melayu di mahkamah, ia ketara jika dilihat kepada arahan/pekeliling yang dikeluarkan oleh Institusi Mahkamah di Semenanjung Malaysia, contohnya:

(a) Pekeliling Pendaftar No: 7 tahun 1969 – Bahasa Malaysia Dalam Perbicaraan dan Surat-menyurat. Pekeliling ini telah mengarahkan agar Yang diPertua Kanan/Yang diPertua Mahkamah Sesyen dan Majistret menggunakan Bahasa Malaysia di dalam semua perbicaraan dalam Mahkamah melainkan jika peguam yang mengendalikan kes membuat permohonan untuk perbicaraan dijalankan dalam Bahasa Inggeris atas alasan beliau tidak mahir berbahasa Malaysia. Walau bagaimana pun, perkataan Inggeris boleh digunakan jika tidak ada perkataan Bahasa Malaysia yang tepat, misalnya perkataan-perkataan berbentuk teknikal (*technical words*).

Selain daripada itu juga, pekeliling tersebut juga menyatakan bahawa semua surat-menyurat hendaklah menggunakan Bahasa Malaysia.

(b) Pekeliling Pendaftar (U) No.12 Tahun 1981⁹ – Penggunaan bahasa Malaysia di Mahkamah. Pekeliling ini telah mengarahkan supaya Bahasa Malaysia digunakan dalam urusan-urusan seperti yang berikut:

- i) Urusan Pentadbiran;
- ii) Urusan Kehakiman yang meliputi surat-menyurat, dokumen-dokumen dan juga pembicaraan (proceedings);
- iii) Majlis-Majlis Keraian; dan
- iv) Pengisytiharan Persidangan (Proclamation).

(c) Pekeliling Pendaftar (U) Bil. 13 Tahun 1981 – Penggunaan Bahasa Malaysia di Mahkamah. Pekeliling ini menyatakan berhubung dengan penukaran panggilan "Your honour" kepada istilah-istilah berikut:

- i) "Tuan/Puan Yang Dipertua" bagi Yang Dipertua Mahkamah Sesyen;

⁹ Perpustakaan Mahkamah Persekutuan, Pekeliling Ketua Pendaftar, di: http://library.kehakiman.gov.my/digital/Pekeliling%20Ketua%20Pendaftar%20Mahkamah%20Persekutuan/1981/Registrar's%20Circular_012_U.pdf

- ii) “Tuan/Puan Majistret” bagi Majistret; dan
- iii) “Tuan/Puan” bagi kedua-duanya di mana sesuai.”

(d). Pekeliling Hakim Besar Malaya No. 2/1990¹⁰ – Perlaksanaan Penggunaan Bahasa Malaysia di Mahkamah. Pekeliling ini menyatakan bahawa pindaan kepada Seksyen 8 Akta Kebangsaan telah diwartakan pada 25 Mac 1990 dan secara administratif penggunaan bahasa Melayu dalam semua prosiding mahkamah akan berkuat kuasa secara rasminya pada 1 Jun 1990. Sehubungan dengan itu pindaan telah dibuat ke atas Kaedah-kaedah Mahkamah Agung 1980, Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980 bagi memperkemas pelaksanaan penggunaan Bahasa Kebangsaan di mahkamah.

(e). Surat Arahan Ketua Hakim Negara bertarikh 22 Oktober 1998¹¹ – Mengenai Akta Bahasa Kebangsaan. Menyatakan bahawa Akta Bahasa Kebangsaan telah dipinda melalui Akta A 765/0 berkuat kuasa pada 19.2.1990 yang memperuntukkan bahawa segala prosiding (selain daripada pemberian keterangan oleh seseorang saksi) dalam Mahkamah Agung, Mahkamah Tinggi atau mana-mana Mahkamah Rendah hendaklah dalam Bahasa Kebangsaan. Ketua Hakim Negara di masa itu Tun Dato’ Seri Mohd Eusoff Chin mengarahkan bahawa Peruntukan yang telah berkuat kuasa selama lapan tahun ini, adalah jelas dan hendaklah dipatuhi dan dikuatkuasakan.

(f). Pekeliling Ketua Pendaftar Bil.2 tahun 1999¹² – Mengenai Afidavit, Kertas Dan Percetakan, Dan Penggunaan Bahasa Malaysia di dalam Surat Menyurat ke Mahkamah. Pekeliling ini telah menyatakan bahawa semua surat-menyurat kepada mahkamah (kecuali surat daripada negara asing) hendaklah ditulis dalam Bahasa Malaysia. Mana-mana surat yang ditulis dalam bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa lain tidak dilayan dan akan dikembalikan dengan catatan “Sila gunakan Bahasa Malaysia di dalam surat-menyurat ke Mahkamah”.

Kesimpulannya, sebagai sebuah negara yang telah Merdeka sejak 57 tahun yang lalu, maka penggunaan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa rasmi hendaklah dimartabatkan. Tambahan pula Perlembagaan Persekutuan sendiri hanya memberikan tempoh sepuluh tahun selepas Hari Merdeka untuk bahasa Inggeris digunakan. Gunakanlah Bahasa Kebangsaan kita, kerana bahasa itu jiwa bangsa.¹³

Umumnya tahap pemakaian bahasa Melayu di mahkamah masih belum boleh dibanggakan dan boleh dipertingkatkan kerana apa yang berlaku sekarang, bahasa kebangsaan itu memang dijadikan bahasa utama di mahkamah rendah (Mahkamah Majistret dan Mahkamah Sesyen). Di mahkamah yang lebih tinggi, terutama sekali di

¹⁰ Dimuat turun dari: <http://ebookbrowse.net/pekeliling-hakim-besar-malaya-no-2-tahun-1990-pdf-d229047431>

¹¹ Perpustakaan Mahkamah Persekutuan, Surat Penting Ketua Hakim Negara, di: http://library.kehakiman.gov.my/digital/Arahan%20Amalan%20KHN/1998/Akta%20Bahasa%20Kebangsaan_1998.pdf

¹² Perpustakaan Mahkamah Persekutuan, Pekeliling Ketua Pendaftar, di: http://library.kehakiman.gov.my/digital/Pekeliling%20Ketua%20Pendaftar%20Mahkamah%20Persekutuan/1999/Perkeliling%20Ketua%20Pendaftar_Bil_2_1999.pdf

¹³ Nik Adura Hazlin Nik Ariffin, Penggunaan Bahasa Kebangsaan Sebagai Bahasa Rasmi, October 21st, 2013, Blog Rasmi Jabatan Peguam Negara, lihat: <http://agc-blog.agc.gov.my/agc-blog/?p=1633>

Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan, boleh dikatakan 95 peratus prosiding dijalankan dalam bahasa Inggeris.¹⁴ Pelbagai alasan diberikan oleh pelbagai pihak. Sesetengah mengatakan oleh kerana mereka belajar undang-undang dalam bahasa Inggeris, adalah agak sukar untuk mengendalikan kes menggunakan bahasa Melayu. Ada yang mengandaikan bahawa jika mereka menggunakan bahasa Melayu dalam perbicaraan, maka ia akan memprejudiskan hak anak guam mereka daripada mencapai keadilan. Ramai pula yang mengatakan bahasa Melayu tidak mempunyai perkataan tepat bagi mentafsirkan sesuatu. Oleh itu, ia tidak sesuai dijadikan bahasa pengantar di mahkamah.¹⁵

Sebenarnya semua ini adalah alasan semata-mata. Hujah-hujah yang diketengahkan adalah manifestasi dan pengakuan mereka mengenai kelemahan mereka sendiri dan membayangkan sifat angkuh mereka yang terus enggan menggunakan bahasa Melayu. Mereka seharusnya memperbaiki diri masing-masing ke arah memartabatkan bahasa Melayu di negara Malaysia. Kelemahan mereka sendirilah yang sebenarnya menjadi batu penghalang kepada keadilan anak guam mereka.

Usaha yang dilakukan untuk memartabatkan bahasa Melayu sejak lebih lima puluh tahun telah banyak membuahkan kesan positif. Usaha-usaha yang dilakukan di bidang perundangan dan kehakiman telah membuktikan bahawa bahasa Melayu berupaya untuk menjadi Bahasa Undang-undang. Usaha-usaha yang lebih serius dan berterusan harus diberikan supaya laras bahasa Melayu dalam undang-undang itu akan berkembang dan disesuaikan dengan perubahan zaman. Bahkan ada yang berpendapat bahawa bagi mencapai hasrat memartabatkan Bahasa Melayu, Seksyen 8 Akta Bahasa Kebangsaan 1963 perlu dipinda semula bagi membataskan penggunaan bahasa Inggeris di mahkamah apabila isu adalah berkaitan dengan undang-undang Inggeris dan Komanwel.¹⁶

C. BAHASA MELAYU DALAM PENGAJIAN UNDANG-UNDANG

Sebelum kita boleh memahami kedudukan penggunaan istilah bahasa Melayu dalam pengajian undang-undang di universiti-universiti awam (IPTA) di Malaysia, kita kena sedar dan fahami status penggunaan bahasa Melayu dalam pengajian undang-undang di Malaysia.

Berbanding dengan bidang-bidang pengajian tinggi awam yang lain di Malaysia, seperti sains dan teknologi, kejuruteraan, perubatan dan sebagainya, bidang pengajian undang-undang adalah antara yang lewat ditubuhkan dan agak perlahan berkembang. Sehingga kini hanya terdapat tujuh buah universiti awam yang menawarkan program pengajian undang-undang. Universiti-universiti tersebut ialah Universiti Malaya (UM),¹⁷ Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM),¹⁸ Universiti Islam Antarabangsa

¹⁴ Tun Abdul Hamid Mohamad, Memartabatkan Bahasa Melayu Dalam Bidang Perundangan: Prospek dan Masa Hadapan, Perpustakaan Mahkamah Persekutuan, di: <http://www.tunabdulhamid.my/index.php/speech-papers-lectures/item/493-memartabatkan-bahasa-melayu-dalam-bidang-perundangan-prospek-dan-masa-hadapan>

¹⁵ Zainul Rijal Abu Bakar, Memartabatkan Bahasa Melayu di Mahkamah, Berita Harian, 17/12/2008, di: <http://lib.iium.edu.my/mom2/cm/content/view/view.jsp?key=618dtf9o4vKPGz7VgDvEJs84rAULbJbf20081222105947359>

¹⁶ Utusan Online, Tingkatkan terjemahan Istilah Perundangan, Monday, 31 Oct. 2011.

¹⁷ Sejarah, di: [http://law.um.edu.my/?modul=About the Faculty&pilihan=History of the Faculty](http://law.um.edu.my/?modul=About%20the%20Faculty&pilihan=History%20of%20the%20Faculty)

(UIA),¹⁹ Universiti Teknologi Mara (UiTM),²⁰ Universiti Utara Malaysia (UUM),²¹ Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)²² dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UNiZA).²³ Satu-satunya program undang-undang universiti swasta yang bersifat *indigenous* adalah program undang-undang di Universiti Multimedia (MMU) di Melaka.

Walau bagaimana pun, hanya program-program Sarjana Muda Undang-undang di UM, UKM, UIA dan UiTM diakreditasi secara penuhnya di mana graduan keluaran mereka memenuhi sepenuhnya keperluan untuk 'orang yang berkelayakan' di bawah Akta Profesion Undang-undang (LPA) 1976. UUM telah diberikan akreditasi bersyarat (pada masa artikel ini ditulis) di mana graduannya perlu menjalani kursus-kursus tertentu sebelum mereka boleh dipanggil sebagai 'orang yang berkelayakan'.²⁴ Terdapat lebih daripada dua puluh universiti atau institusi swasta yang menjalankan program berkembar undang-undang dengan universiti luar negara. Institusi swasta menjalankan program undang-undang berkembar dengan institusi pengajian tinggi luar negara dengan ijazah yang dianugerahkan oleh universiti tersebut. Graduan mereka perlu lulus Ujian Sijil Amalan Guaman (CLP) yang diuruskan oleh Lembaga Kelayakan Amalan Guaman (LPQB) sebelum layak menjadi peguam di Malaysia.²⁵

Status penggunaan bahasa Melayu di institusi pengajian awam adalah seperti di dalam jadual di bawah:

Bil	Fakulti Undang-undang/Universiti	Tahun bermulanya program LLB / Penubuhan	Bahasa Pengantar Kuliah	Bahasa Pengantar Tutorial	Bahasa Peperiksaan
1	Universiti Malaya	1972	Melayu	Inggeris	Dua Bahasa
2	UiTM ²⁶	1982	Inggeris	Inggeris	Inggeris

¹⁸ Fakulti Undang-Undang, UKM, di: <http://www.ukm.my/fuu/>

¹⁹ Mengenai Kuliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, di: <http://www.iiu.edu.my/aikol>

²⁰ Sejarah, di: <http://law.uitm.edu.my/v1/about-faculty/history.html>

²¹ Sejarah COLGIS, di: <http://colgis.uum.edu.my/index.php/about-us/history-of-colgis>

²² USIM Today, di: <http://usimtoday11.weebly.com/10-thun-penubuhan-usim.html>

²³ Latarbelakang, di: <http://www.fuha.unisza.edu.my/index.php/profil/latar-belakang>

²⁴ Pemegang ijazah undang-undang dari universiti ini dikehendaki menghadiri "Program Latihan Amalan Pemindahakan (Conveyancing), Penderafan Pliding dan Penulisan Pendapat" yang dijalankan oleh Majlis Peguam Malaysia semasa latihan dalam kamar mereka dan mendapatkan "Sijil Siap" (Certificate of Completion). Lihat, http://www.lpqb.org.my/index.php?option=com_content&view=article&id=47&Itemid=61

²⁵ CLP diperkenalkan sejak tahun 1984 bagi membolehkan graduan yang tidak dianggap "orang yang berkelayakan" memperoleh kelayakan sedemikian dengan menduduki peperiksaan. Lihat, http://www.lpqb.org.my/index.php?option=com_content&view=article&id=47&Itemid=61

²⁶ Fakulti Undang-undang UiTM (sebelum ini dikenali sebagai Sekolah Pentadbiran dan Undang-undang) telah ditubuhkan pada tahun 1968. Ia bermula sebagai pusat yang menawarkan Program Luaran British (British External Programs), iaitu LL.B (London-External) dan Chartered Institute of Secretaries. Program dalaman yang ditawarkan hanyalah Diploma Pentadbiran Awam dan Kerajaan. Pada tahun 1978 program LL.B (London-External) ditamatkan dan digantikan dengan program LL.B semasa. Program LL.B adalah kursus ajazah akademik tiga tahun berdasarkan struktur program undang-undang sarjana muda Universiti British dan tanpa kepujian. Pada tahun 1982 Fakulti

3	IIUM	1983	Inggeris/Arab	Inggeris	Inggeris
4	UKM	1986 (1984)	Melayu	Inggeris	Dua Bahasa
5	UUM	2003	Inggeris	Inggeris	Inggeris
6	USIM	2004/5	Inggeris	Inggeris	Inggeris
7	UNiSZA	2006 (1991-Dip)	Inggeris/Arab	Inggeris	Inggeris

Bahasa Melayu diutamakan di UM dan UKM atas dasar perjuangan memartabatkan bahasa kebangsaan. Bagi UiTM sejarah dan visi penubuhannya yang berkait dengan matlamat melahirkan profesional bumiputera yang boleh bersaing dengan bangsa-bangsa lain menyebabkan bahasa Inggeris diutamakan. Begitu juga dengan Universiti Islam Antarabangsa, kerana sifat antarabangsanya bahasa Inggeris diutamakan. Berbeza dengan UUM, USIM dan UNiSZA, tekanan dan desakan pengiktirafan dari Lembaga Kelayakan Profesion Guaman Malaysia merupakan faktor utama mengapa bahasa Inggeris diutamakan.

Namun, walaupun di fakulti-fakulti undang-undang yang mengutamakan bahasa Inggeris, tetap disedari bahawa bahasa Melayu masih lagi penting dan dibenarkan digunakan dalam keadaan-keadaan tertentu seperti semasa latihan perbicaraan bagi membiasakan para pelajar dengan istilah dan pemakaian bahasa Melayu kerana di mahkamah rendah bahasa Melayu adalah digunakan sepenuhnya.

III. ISTILAH UNDANG-UNDANG DALAM PENDIDIKAN TINGGI DI MALAYSIA

Sejarah perundangan di Malaysia bolehlah dikatakan bermula dengan kedatangan Islam pada abad ketiga belas Masihi. Penyebaran Islam membawa bersamanya undang-undang Islam ke rantau ini. Walau pun pada masa itu tidak terdapat mahkamah-mahkamah seperti sekarang, undang-undang Islam, di samping adat Melayu, menjadi teras undang-undang di negara ini sehingga kedatangan British yang membawa bersamanya undang-undang Inggeris. Undang-undang Inggeris dibawa masuk melalui Piagam Keadilan, melalui peguam-peguam dan hakim-hakim yang terlatih di England dan kemudiannya melalui undang-undang bertulis seperti ordinan, enakmen, kanun (*code*), kaedah dan peraturan.

Sumber undang-undang Malaysia hari ini adalah pelbagai, antaranya termasuklah Perlembagaan (Persekutuan dan Negeri), Akta dan Enakmen, keputusan mahkamah, Common law dan kaedah-kaedah ekuiti,²⁷ Undang-Undang Islam, dan Undang-undang Adat. Proviso Seksyen 3 Akta Undang-Undang Sivil 1956 menyatakan bahawa *Common-law* dan kaedah ekuiti dan status pemakaian am akan dipakai sejauh yang diizinkan oleh keadaan di negeri-negeri dalam Malaysia dan penduduknya, dan tertakluk kepada penyesuaian oleh keadaan tempatan. Mengenai prinsip-prinsip undang-undang Inggeris yang wujud selepas dari tarikh-tarikh yang disebut di dalam

memperkenalkan LL.B (Kepujian) satu tahun. Lihat, UiTM Faculty of Law, History, at: <http://law.uitm.edu.my/v1/about-faculty/history.html>

²⁷ Akta Undang-Undang Sivil (Civil Law Act) 1956 (Disemak 1972) mengariskan panduan kemasukan prinsip undang-undang Inggeris di Malaysia. Seksyen 3(1) Menyatakan bahawa mahkamah hendaklah memakai Common Law dan kaedah-kaedah ekuiti yang ditadbir di England seperti kedudukannya pada 7 April tahun 1956 di Semenanjung; 1 Disember tahun 1951 di Sabah; dan, 12 Disember 1949 di Sarawak.

Akta tersebut, mahkamah memutuskan bahawa ianya tidak mengikat tetapi mempunyai daya pengaruh yang tinggi (*persuasive*).²⁸

Justeru, istilah undang-undang dalam konteks sistem perundangan Malaysia adalah agak kompleks, bukan sahaja merangkumi situasi dan peristilahan bahasa undang-undang tempatan (*indigenous*) tetapi juga istilah undang-undang Inggeris dan syariaah (Arab). Dalam konteks undang-undang bertulis banyak akta dan enakmen adalah berasal dari England, Australia dan India misalnya undang-undang kontrak, jenayah, acara jenayah dan undang-undang tanah. Aspek undang-undang yang baru seperti harta intelek dan perdagangan antarabangsa pula mempunyai elemen-elemen teknologi dan undang-undang antarabangsa. Justeru, badan perundangan (Jabatan Peguam Negara), Kehakiman (mahkamah) dan Dewan Bahasa telah memainkan peranan penting dalam menyediakan istilah-istilah bahasa Melayu yang bersesuaian bagi undang-undang tersebut dan usaha sebegini berterusan dilakukan.

A. PERANAN PERUNDANGAN, KEHAKIMAN DAN DEWAN BAHASA DALAM MEMPERKAYA ISTILAH UNDANG-UNDANG

Dalam usaha memperkayakan istilah undang-undang, Jabatan Peguam Negara telah menerbitkan dalam tahun 2006, Khazanah Istilah, Bahasa Inggeris – Bahasa Malaysia yang dicetak oleh Jabatan Percetakan Negara (Malaysia). Bahagian Gubalan di Jabatan ini juga telah menyediakan Senarai Istilah Undang-undang untuk kegunaan dalam penyediaan teks bahasa kebangsaan undang-undang yang digubal/disemak oleh Bahagian tersebut. Pada tahun 1991, senarai itu telah dikemaskinikan dan disimpan dalam pangkalan data elektronik dengan kemudahan carian secara elektronik.

Proses pengemaskinian dan penyemakan semula istilah undang-undang dilakukan secara berterusan oleh Jawatankuasa Istilah Bahagian Gubalan. Dengan kerjasama Unit Sistem Maklumat, Jabatan Peguam Negara. Khazanah Istilah Undang-undang yang telah dikemaskinikan disimpan dan dapat dicapai dengan jaringan kejurangan (*network neighbourhood*).²⁹ Begitu juga Akta Penyemakan Undang-undang 1968 (Akta 1) yang mula berkuat kuasa pada 1 Januari 1969. Akta 1 ini telah memperkenalkan suatu perubahan asas tentang cara penyemakan undang-undang. Ia memberikan kuasa kepada Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang untuk mengemaskinikan istilah dan ejaan dalam teks bahasa kebangsaan mana-mana undang-undang.³⁰

Di peringkat Kehakiman, usaha untuk menyediakan bahan istilah dalam bahasa Melayu bermula sejak lama lagi. Dalam tahun 1990 Bahagian Penyelidikan dan Sekretariat Bahasa Malaysia Mahkamah Agung di Kuala Lumpur telah menerbitkan Daftar Istilah Undang-undang Bahasa Inggeris-Bahasa Malaysia.

Mengikut rekod Dewan Bahasa dan Pustaka, buku istilah undang-undang yang pertama diterbitkan oleh DBP ialah Istilah Undang-undang (Edisi 1) pada tahun 1970. Manakala buku istilah undang-undang terkini yang diterbitkan oleh DBP ialah Siri Glosari Undang-undang (Undang-undang Perlembagaan dan Undang-undang

²⁸ Lord Scarman dalam kes *Jamal bin Harun v. Yang Kamsiah & Anor* [1984] 1 CLJ 215.

²⁹ Portal Rasmi Jabatan Peguam Negara Malaysia, di: http://www.agc.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=83&Itemid=122&lang=bm

³⁰ Subseksyen 6(1), Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 (Akta 1).

Pentadbiran) yang diterbitkan pada tahun 2001. Setakat ini siri terbitan DBP dan beberapa penerbit lain yang ada hubung kait dengan peristilahan undang-undang adalah seperti berikut:

- i. Dewan Bahasa dan Pustaka, Istilah Undang-undang (Edisi 1) pada tahun 1970; Edisi kedua Cetakan Pertama 1986; Edisi Ketiga Cetakan Keenam 2003; Edisi Ketiga Cetakan Ketujuh 2006.³¹
- ii. Bahagian Penyelidikan & Sekretariat Bahasa Malaysia Mahkamah Agung di Kuala Lumpur, Daftar istilah undang-undang Bahasa Inggeris-Bahasa Malaysia, 1990.
- iii. Dewan Bahasa & Pustaka, Siri Glosari Undang-undang (Undang-undang Perlembagaan dan Undang-undang Pentadbiran), terbitan tahun 2001.
- iv. Dewan Bahasa & Pustaka, Istilah diplomasi dan hubungan antarabangsa – Bahasa Inggeris - Bahasa Melayu & Bahasa Melayu - Bahasa Inggeris, Jilid II, Kuala Lumpur, 2004.
- v. Istilah undang-undang: [English - Malay] [Malay - English] Kuala Lumpur: Sweet & Maxwell Asia, 3rd ed. 2001; 4th ed. 2004; 5th ed. 2008 (ditambah Arab/English).

Melalui penyelarasan oleh DBP, satu jawatankuasa yang dianggotai oleh pakar-pakar undang-undang antarabangsa sedang berusaha menyiapkan kumpulan istilah dan takrifan dalam bidang undang-undang antarabangsa. Dalam konteks khidmat nasihat, DBP juga misalnya menyediakan perkhidmatan atas talian bagi apa-apa soalan mengenai peristilahan termasuk istilah undang-undang. Misalnya wujud pertanyaan dari Hj Abd Murad, Pengerusi Jawatankuasa Amalan Pindahhakan (Conveyancing Practice Committee), Majlis Peguam Malaysia mengenai istilah 'coveyancing' yang diberi jawapan bahawa istilah dalam bahasa Melayunya ialah 'pindahhakan'.³²

B. PEMBINAAN ISTILAH UNDANG-UNDANG DALAM BAHASA MELAYU

Istilah undang-undang memang biasa ditemui bukan sahaja dalam amalan dan penulisan perundangan tetapi juga dalam media-media masa, media hiburan dan buku-buku. Istilah-istilah tersebut bukanlah sengaja diada-adakan kerana tulisan berkenaan ada kaitannya dengan undang-undang. Ini disebabkan ia tidak boleh diganti sewenang-wenangnya dengan perkataan-perkataan biasa kerana maksudnya mungkin berbeza.

Contohnya istilah afidavit merupakan perkataan yang membawa maksud satu keterangan bersumpah yang ditandatangani oleh orang yang membuat afidavit dalam menggunakan borang ataupun format tertentu. Ia berbeza daripada Surat Akuan Bersumpah biasa kerana ia berbeza dari segi isi dan penggunaannya dalam undang-undang. Oleh itu perkataan afidavit itu tidak semudahnya dapat ditukar ganti dengan perkataan lain.

Dari segi bahasa, kata-kata baharu yang digubal disebut istilah, iaitu bentuk linguistik

³¹ DBP, Dawama – Istilah Undang-undang, di: <http://www.dawama.com/Istilah-Undang-Undang/q?pid=1881&doit=order>

³² DBP, Khidmat nasihat, di: <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=Transaksi&d=10>

yang terdiri daripada sama ada satu kata atau frasa yang mempunyai makna kamus yang sempurna bagi sesuatu bidang tertentu. Makna kamus ini sebenarnya berbeza daripada makna konotasi, makna figuratif dan makna konteks yang di dalamnya terdapat pengaruh perasaan dan tanggapan dalam budaya. Sebaliknya makna kamus merupakan pencerminan konsep tertentu atau beberapa integrasi konsep yang sesuai bagi sesuatu bidang tertentu.

Mashudi Kader di dalam buku yang disunting oleh Nik Safiah Karim dan Faiza Tamby Chik³³ menyatakan bahawa pembinaan istilah undang-undang, seperti pembinaan istilah bidang-bidang lain, telah dilakukan dengan prosedur yang tertentu yang telah diatur dengan agak perinci oleh DBP dalam buku Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Malaysia. Pada dasarnya kerja penggubalan istilah bidang undang-undang, seperti juga pembinaan istilah-istilah bidang lain, ialah kerja “penterjemahan” dan “pemadanan”.

Penelitian terhadap istilah-istilah bidang undang-undang yang tergubal menunjukkan istilah-istilahnya terdiri daripada beberapa sumber. Antaranya:

Bahasa Melayu sendiri

Bahasa Melayu sendiri, seperti sempadan (*boundry*), tipu (*cheat*), suku (*clan*), peras (*extort*), denda (*fine*), pindah (*transfer*), beli (*purchase*), pekerja (*employee*), utusan (*envoy*), hukuman (*sentence*), dengar cakap (*hearsay*), budak (*infant*), tunda (*postpone*), anak angkat (*adopted child*).

Sumber dialek atau bahasa serumpun

Sumber dialek atau bahasa serumpun seperti calon (*candidate*), sogok (*bribe*), kamar (*chamber*), sandera (*hostage*), burunan (*fugitive*), muncikari (*procurer/pimp*), bajingan (*villain*).

Istilah-istilah pinjam terjemah

Istilah-istilah pinjam terjemah seperti penzahiran dokumen (*discovery of document*), perlindungan mutlak (*absolute privilege*), kecederaan badan (*bodily harm*), penghinaan mahkamah (*contempt of court*), pembubaran perkahwinan (*dissolution of marriage*), mengaitkan pengetahuan (*impute knowledge*).

Istilah-istilah yang digubal secara transliterasi

Istilah-istilah yang digubal secara transliterasi, iaitu istilah-istilah yang meminjam label asal dalam bahasa sumber tetapi ejaannya sahaja yang disesuaikan dengan sebutan dan ejaan bahasa Melayu seperti liabiliti (*liability*), litigasi (*litigation*), plaintif (*plaintiff*), defendan (*defendant*), undang-undang sivil (*civil law*), akta (*act*), parol (*parole*), ekuiti (*equity*) dan lain-lain.

Peminjaman secara terus

Peminjaman secara terus, iaitu tanpa mengubah apa-apa pun termasuk pengejalan ejaan dan sebutan, terutamanya dari bahasa Inggeris seperti *Hansard*, *Home Guard*, *Common Law*, *Alien*; bahasa Perancis seperti *cy-pres*, *cestui(s)-que-trust*, *feme sole*,

³³ Mashudi Kader. ‘Peristilahan Undang-Undang’ (‘Legal Terminology’). Dlm. Nik Safiah Karim & Faiza Tamby Chik (eds.) Bahasa dan Undang-Undang, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Hlm. 81- 91 pd. 82, 1994.

force majeure, autrefois acquit, autrefois convict dan bahasa Latin seperti *prima facie, pro-rata, locus standi, ab-initio, ratio decidendi, actus reus, mens rea, audi alteram partem* dan *bona fide*.³⁴

Tinjauan sepintas lalu menunjukkan terdapat juga banyak unsur pinjaman daripada bahasa asing seperti Arab, Perancis, Itali, Melayu, Cina dan Latin misalnya *sugar, sherbet satan, galley, minaret* (bahasa Arab), *voir dire, feme sole, pour autrui, fait accompli, vis-à-vis, profit a prendre, centui que trust* (Perancis), orang utan, amuk, rambutan, durian (Melayu), *tea, typhoon* (Cina), *del crede agent, pizza, makaroni, spaghetti* (Itali), dan *ex gratis, harbeas corpus, locus standi, obiter dicta, bona fide, non est factum, audi alteram partem* (Latin).

Penggunaan istilah undang-undang telah memberi beberapa kesan dalam bahasa Melayu. Antaranya ialah pertambahan bilangan kata bahasa Melayu dan membantu membesarkan saiz perbendaharaan kata bahasa Melayu. Kesan lain ialah pengayaan bahasa Melayu dengan konsep-konsep baharu melalui pengubahan cara transliterasi dan pinjaman terus, misalnya:

Akses (*access*), akru (*accrue*), akuiensens (*acquiescence*), akta (*act*), admiralti (*admiralty*), agresi (*aggression*), aset (*asset*), award (*award*), bailif (*bailiff*), broker (*broker*), catel (*chattel*), dures (*duress*), dan lain-lain.

Consensus ad idem, bona fide, audi alteram partem, harbeas corpus, stare decisis dan lain-lain.

Antara kesan sampingan penggunaan istilah dengan cara pendekatan ini ialah terhasilnya tambahan sistem bunyi bahasa Melayu, misalnya bertambah lagi kehadiran bunyi (j) di akhir kata, misalnya caj (*charge*), demuraj (*demurrage*), surcaj (*surchage*) dan salvaj (*salvage*). Selain itu, bentuk kata-kata bahasa Melayu dibanjiri pula oleh morfem-morfem terikat yang pada satu masa dahulu tidak wujud dalam bahasa Melayu misalnya pro- (pro-forma, pro-rata), ad- (ad hoc, ad valorem), -si (provasi, pengagresi), -ori (mandatori, interlokuri), -iti (minoriti), -if (perjanjian kolektif, tindakan eksekutif), -isme (totalitarianisme), dwi- (dwi-bahagian, dwipihak), dan -sial (kepentingan benefisial).

Sebagai kesimpulannya, bahasa Melayu dalam bidang kehakiman haruslah diperkukuhkan lagi penggunaannya. Usaha-usaha meningkatkan penguasaan bahasa Melayu laras undang-undang perlulah diberi perhatian yang serius oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab.³⁵

C. PEMAKAIAN ISTILAH UNDANG-UNDANG BAHASA MELAYU DALAM PENGAJIAN TINGGI DAN DALAM PROFESION

Di awal penubuhan sekolah undang-undang yang pertama, bahasa Melayu diletakkan di landasan yang boleh dikatakan agak betul. Sesuai dengan bahasa Melayu sebagai

³⁴ Mashudi Kader, op. cit., hlm. 82-83.

³⁵ Situasi 33 – Peristilahan Undang-undang, di:
<http://interpretasijwapenimbailmu.blogspot.com/2012/04/situasi-33-peristilahan-undang-undang.html> [Cari - BAHASA dan undang-undang / penyusun Nik Safiah Karim dan Faiza Tamby Chik ; DBP, 1994.]

bahasa kebangsaan, bahasa rasmi pengajian tinggi undang-undang di Universiti Malaya adalah bahasa Melayu. Kuliah adalah di dalam bahasa Melayu melainkan jika tenaga pengajarnya adalah warga luar negara. Bagi meningkatkan kemahiran dalam bahasa Inggeris tutorial yang diadakan sejam minggu bagi setiap kursus adalah di dalam bahasa Inggeris. Kelompok pelajar yang dikenal pasti juga diwajibkan mengambil kursus 'English for law' bagi memantapkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan mereka. Perkara yang hampir serupa berlaku di UKM iaitu sebuah universiti yang diberi amanat memperkasakan misi kebangsaan negara Malaysia.

Namun bagi UITM, UIA, UUM, USIM dan UNiSZA situasinya adalah agak berbeza, bahasa Inggeris dan juga bahasa Arab diutamakan. Namun bahasa Melayu juga digunakan bersesuaian dengan status bahasa tersebut sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa mahkamah. Istilah-istilah undang bahasa Melayu dipakai dalam keadaan di mana pembelajarannya adalah di dalam bahasa Melayu, dan kewujudan daftar dan kamus istilah yang mencukupi menyebabkan tiada kesukaran dan masalah ketara yang timbul. Yang menjadi cabaran ialah bagaimana untuk membiasakan para pensyarah dan pelajar dengan istilah-istilah undang-undang bahasa Melayu tersebut, di sebaliknya menggunakan istilah bahasa Inggeris yang lebih langsung dan lazim digunakan.

Yang lebih menyedihkan, pihak terbabit dalam sistem perundangan di mahkamah dikesan menggunakan bahasa Malaysia yang bercampur aduk dengan bahasa Inggeris, sekali gus menyebabkan fungsi istilah bahasa Melayu seolah-olah tidak dihormati. Ada pengamal undang-undang tidak memahami perkataan dan istilah dalam bahasa Melayu, sebaliknya lebih memahami perkataan dan istilah dalam bahasa Inggeris. Lebih menyedihkan, ada perkataan bahasa Inggeris 'dimelayukan' tanpa mematuhi sistem mengadaptasi bahasa Inggeris ke bahasa Malaysia yang ditetapkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Malah ada di kalangan hakim-hakim yang menyatakan rasa tidak puas hati mereka mengenai prestasi dan kemampuan pengamal undang-undang menggunakan bahasa dengan betul, sama ada bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris. "Ini semacam teratai. Pucuk tidak sampai ke langit, akar tidak sampai ke dasar." Keghairahan dan kempen yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa mengenai penggunaan bahasa Malaysia di mahkamah pada 1980-an seolah-olah telah menjadi lesu dan perkara ini perlu diteliti dan diberi nafas semula.³⁶

IV. KESIMPULAN

Bila bercakap mengenai bahasa, ramai di kalangan kita faham bahawa bahasa Melayu adalah bahasa yang diguna pakai secara rasmi di Malaysia. Ini selaras dengan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan yang mengiktiraf atau mengangkat bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan bagi negara ini. Dalam konteks undang-undang, bahasa Melayu adalah jelas adalah bahasa bagi mahkamah, namun kelonggaran yang diberi oleh seksyen 8 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 [Akta 32] yang membolehkan mahkamah atas dasar kepentingan keadilan membenarkan prosiding sebahagiannya

³⁶ Berita Harian, Kerajaan harus teliti penggunaan bahasa Malaysia di mahkamah, 2012/06/13, di: <http://www.bharian.com.my/articles/KerajaanharustelitipenggunaanbahasaMalysiadimahkamah/Article/>

dijalankan dalam bahasa Inggeris selain dari bahasa kebangsaan telah menjadikan kekecualian ini diambil mudah. Sehingga kini prosiding di mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan hampir sembilan puluh lima peratus dijalankan dalam bahasa Inggeris.

Dasar memberi kedudukan yang sepatutnya kepada bahasa Melayu bukanlah berlawanan dengan hasrat kita sebagai rakyat Malaysia yang bertamadun seharusnya melihat jauh ke hadapan. Kita akui kepentingan Bahasa Inggeris pada hari ini terutamanya apabila bahasa tersebut merupakan bahasa yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Kerajaan sendiri di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperkenalkan program ‘Memartabatkan Bahasa Melayu, Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI) selepas pemansuhan Pembelajaran dan Pengajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris (PPSMI). Ini telah menunjukkan bahawa selain Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris juga amat penting dan semua pihak perlu untuk menguasai bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.

Apa yang menjadi masalah ialah, seperti yang dikatakan oleh Tun Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim bekas Ketua hakim Negara “bahawa penggunaan bahasa di mahkamah tidak sempurna kerana bercampur antara bahasa kebangsaan dan bahasa Inggeris, umpama sekerat ular, sekerat belut.”³⁷ Semua pihak harus memberi perhatian kepada kedua-dua bahasa tersebut berdasarkan kepada kepentingan bahasa-bahasa tersebut di dalam Negara – maksud kebangsaan, kehendak strategik dan ekonomi. Di mahkamah, atas kepentingan strategik pun, iaitu bagi menghalang orang luar boleh beramal di mahkamah, bahasa Melayu harus didaulatkan dan bahasa lain tidak dibenarkan melainkan dalam konteks memberi penyaksian oleh saksi.

Yang berlaku pada hari ini ialah nasib bahasa kebangsaan umpama melukut di tepi gantang. Hal ini ditambah pula dengan pelbagai usaha dan inisiatif sesetengah pihak yang cuba mengagungkan serta mahu memartabatkan bahasa Inggeris atas pelbagai alasan dan justifikasi tersendiri. Kita tidak menafikan kepentingan dan keperluan bahasa Inggeris tetapi jangan sampai mengorbankan imej, maruah dan kedudukan bahasa kebangsaan. Usaha berterusan pihak berwajib yang mengambil langkah khusus untuk memartabatkan kedudukan bahasa Melayu harus dipuji. Misalnya, usaha-usaha yang diambil oleh Jabatan Peguam Negara, Badan Kehakiman (mahkamah) dan Dewan Bahasa bersekali dengan beberapa fakulti undang-undang – seperti mengadakan jawatankuasa khusus bahasa, menghasilkan daftar istilah dan menganjurkan debat-debat bahasa Melayu untuk melaksanakan penggunaan bahasa kebangsaan, memantau dan merancang program kebahasaan bagi mencapai matlamat pelaksanaan bahasa kebangsaan di sektor perundangan.

³⁷ Utusan Online, Bahasa Melayu dalam mahkamah, http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=1207&pub=utusan_malaysia&sec=Rencana&pg=re_01.htm&arc=hive